



## BAB TIGA

Gelagat Penggunaan Barang Keperluan Di  
Kalangan Pengguna Muslim Di Jajahan Pasir  
Puteh, Kelantan

## **BAB TIGA**

### **3.0 GELAGAT PENGGUNAAN BARANG KEPERLUAN DI KALANGAN PENGGUNA MUSLIM DI JAJAHAN PASIR PUTEH, KELANTAN**

Bahagian ini akan menerangkan latar belakang pengguna muslim di Jajahan Pasir Puteh, Kelantan yang mewakili lokasi kajian di kawasan luar bandar secara ringkas. Seterusnya dijelaskan keadaan demografi responden seperti jantina, umur, tahap pendidikan, jenis pekerjaan, bilangan isi rumah, pendapatan bulanan, kawasan tempat tinggal dan taraf perkahwinan.

Kemudiaannya dikemukakan hasil kajian berkaitan gelagat penggunaan barang keperluan di kalangan pengguna muslim di Pasir Puteh yang meliputi peruntukan perbelanjaan, barang pilihan utama, tarikan pembelian, saluran maklumat, lokasi pembelian dan kriteria pemilihan barang keperluan.

### **3.1 Latar belakang penduduk Pasir Puteh, Kelantan**

#### **3.1.1 Pendahuluan**

Jajahan Pasir Puteh merupakan salah sebuah daripada 10 jajahan yang terdapat di Negeri Kelantan Darul Naim. Mempunyai penduduk yang majoritinya adalah beragama Islam dengan bangsa Melayu menjadi teras diikuti dengan bangsa Cina, India dan lain-lain.

Keadaan masyarakat masih lagi berada dalam batasan agama dan budaya Melayu dengan tahap pembangunan yang sederhana yang diterima. Pengekalan

golongan tua dalam bidang pekerjaan tradisional dan penghijrahan golongan muda ke bandar-bandar banyak mempengaruhi keadaan dan suasana persekitaran.

### 3.1.2 Bilangan penduduk mengikut Daerah

Penduduk di Jajahan Pasir Puteh pada tahun 2000 adalah seramai 104 404 orang yang terdiri daripada 51 773 orang lelaki dan 52 631 orang perempuan. Jumlah isi rumah di Jajahan Pasir Puteh adalah sebanyak 20 906 buah. Daerah Semerak mempunyai bilangan penduduk yang paling ramai iaitu seramai 21 670 orang yang terdiri daripada 10 945 orang lelaki dan 10 725 orang perempuan. Terdapat 4 185 buah isi rumah di Daerah Semerak. Manakala di Daerah Bukit Awang hanya mempunyai sejumlah 7 984 orang penduduk sahaja yang terdiri daripada 3 695 orang lelaki dan 4 019 orang perempuan. Terdapat 1 550 buah isi rumah di Daerah Bukit Awang. Secara umumnya, nisbah jumlah penduduk lelaki dengan jumlah penduduk perempuan tidak begitu banyak perbezaan. Jadual 3.1 berikut menunjukkan pecahan penduduk mengikut jantina di daerah-daerah di Jajahan Pasir Puteh.

Jadual 3.1 : Taburan Penduduk Jajahan Pasir Puteh Mengikut Jantina Dan Daerah

| Daerah / Mukim     | Penduduk       |               |               | Isi Rumah<br>(Households) |
|--------------------|----------------|---------------|---------------|---------------------------|
|                    | Jumlah         | Lelaki        | Perempuan     |                           |
| <b>PASIR PUTEH</b> | <b>104 404</b> | <b>51 773</b> | <b>52 631</b> | <b>20 906</b>             |
| Semerak            | 21 670         | 10 945        | 10 725        | 4 185                     |
| Bukit Jawa         | 19 329         | 9 660         | 9 669         | 3 844                     |
| Limbongan          | 14 164         | 6 963         | 7 201         | 3 034                     |
| Padang Pak Amat    | 13 360         | 6 586         | 6 774         | 2 567                     |
| Bukit Abal         | 10 624         | 5 213         | 5 411         | 2 165                     |
| Gong Datok         | 8 721          | 4 276         | 4 445         | 1 789                     |
| Jeram              | 8 552          | 4 165         | 4 387         | 1 772                     |
| Bukit Awang        | 7 984          | 3 695         | 4 019         | 1 550                     |

Sumber : Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2000, Jabatan Perangkaan Malaysia.

### 3.1.3 Jumlah Penduduk Mengikut Kaum

Jumlah penduduk di Jajahan Pasir Puteh adalah seramai 104 404 orang. Penduduk keturunan Melayu seramai 102 376 orang yang mewakili 98.06% iaitu kaum majoriti. Manakala penduduk berketurunan Cina pula seramai 739 orang bersamaan dengan 0.71% jumlah penduduk.. Masyarakat India pula seramai 28 orang yang mewakili 0.027% jumlah penduduk. Penduduk daripada keturunan yang lain pula berjumlah seramai 664 orang iaitu 0.64% daripada penduduk Pasir Puteh. Terdapat seramai 46 orang bumiputera lain yang mewakili 0.044% jumlah penduduk Pasir Puteh. Selain itu, terdapat juga seramai 551 orang warga asing yang tinggal sementara di Pasir Puteh iaitu membentuk 0.53% daripada jumlah penduduk. Jadual 3.2 berikut menunjukkan pecahan penduduk mengikut kaum bagi daerah-daerah di Pasir Puteh.

Jadual 3.2 : Taburan Penduduk Pasir Puteh Mengikut Kumpulan Etnik Bagi Tahun 2000.

| Warganegara Malaysia   |                    |                    |                    |                    |                         |            |           |               |            | Bukan<br>warga<br>negara<br>Malaysia |
|------------------------|--------------------|--------------------|--------------------|--------------------|-------------------------|------------|-----------|---------------|------------|--------------------------------------|
| Daerah<br>Mukim        | Jumlah             | Jumlah             | Bumiputera         |                    | Bumi<br>puter<br>a lain | Cina       | India     | Lain-<br>lain |            |                                      |
|                        |                    |                    | Jumlah             | Melayu             |                         |            |           |               |            |                                      |
| <b>PASIR<br/>PUTEH</b> | <b>104<br/>404</b> | <b>103<br/>853</b> | <b>102<br/>422</b> | <b>102<br/>376</b> | <b>46</b>               | <b>739</b> | <b>28</b> | <b>664</b>    | <b>551</b> |                                      |
| Semerak                | 21 670             | 21 419             | 20 951             | 20 947             | 4                       | 83         | -         | 385           | 251        |                                      |
| Bukit Jawa             | 19 329             | 19 287             | 19 197             | 19 190             | 7                       | 68         | 8         | 14            | 42         |                                      |
| Limbongan              | 14 164             | 14 065             | 13 480             | 13 475             | 5                       | 530        | 9         | 46            | 99         |                                      |
| Padang<br>Pak Amat     | 13 360             | 13 322             | 13 267             | 13 249             | 18                      | 23         | -         | 32            | 38         |                                      |
| Bukit Abal             | 10 624             | 10 603             | 10 556             | 10 556             | -                       | 10         | 11        | 26            | 21         |                                      |
| Gong<br>Datok          | 8 721              | 8 667              | 8 488              | 8 484              | 4                       | 24         | -         | 155           | 54         |                                      |
| Jeram                  | 8 552              | 8 516              | 8 515              | 8 513              | 2                       | -          | -         | 1             | 36         |                                      |
| Bukit<br>Awang         | 7 984              | 7 974              | 7 968              | 7 962              | 6                       | 1          | -         | 5             | 10         |                                      |

Sumber : Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2000, Jabatan Perangkaan Malaysia.

Menyentuh skop kajian terhadap pengguna muslim, tiada suatu data yang tepat mengenai jumlah sebenar penganut agama Islam di Jajahan Pasir Puteh. Kajian menggunakan jumlah penduduk Melayu iaitu seramai 102 376 orang. Ianya berdasarkan lumrah fenomena orang Melayu adalah beragama Islam. Lebih-lebih lagi belum ada fakta orang Melayu di Jajahan Pasir Puteh yang murtad.

### 3.1.4 Jumlah Penduduk Mengikut Kumpulan Umur

Majoriti penduduk Pasir Puteh adalah dalam lingkungan umur 0 – 14 tahun iaitu seramai 43 813 orang yang membentuk 41.96% daripada jumlah keseluruhan penduduk diikuti dengan kumpulan umur 15 – 39 tahun seramai 33 059 orang yang mewakili 31.66% daripada jumlah keseluruhan penduduk. Manakala golongan yang paling sedikit adalah dalam kumpulan umur 55 tahun ke atas iaitu hanya seramai 12 660 atau 12.14% sahaja. Jadual 3.3 menunjukkan taburan penduduk di Pasir Puteh mengikut kumpulan umur.

Jadual 3.3 : Taburan Penduduk Jajahan Pasir Puteh Mengikut Kumpulan Umur.

| Kumpulan Umur    | Bilangan Penduduk (orang) | Peratus (%) |
|------------------|---------------------------|-------------|
| 0 – 14 tahun     | 43 813                    | 41.96 %     |
| 15 – 39 tahun    | 33 059                    | 31.66 %     |
| 40 – 54 tahun    | 14 872                    | 14.24 %     |
| 55 tahun ke atas | 12 660                    | 12.14 %     |
| Jumlah           | 104 404                   | 100.00 %    |

Sumber : Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2000, Jabatan Perangkaan Malaysia.

### 3.1.5 Keluasan Tanah Mengikut Daerah Dan Penggunaan Tanah

Jajahan Pasir Puteh terbahagi kepada 8 buah daerah dan 73 mukim. Daerah Semerak merupakan daerah yang paling luas iaitu 46.1 batu persegi. Manakala daerah yang paling kecil ialah Daerah Limbongan dengan keluasan hanya 6.3 batu persegi. Jadual 3.4 berikut menunjukkan pecahan daerah mengikut keluasan tanah.

Jadual 3.4 : Taburan Daerah di Jajahan Pasir Puteh Mengikut Keluasan.

| Bil    | Daerah          | Keluasan (batu persegi) |
|--------|-----------------|-------------------------|
| 1      | Semerak         | 46.1                    |
| 2      | Bukit Jawa      | 26.1                    |
| 3      | Jeram           | 21.3                    |
| 4      | Padang Pak Amat | 21.0                    |
| 5      | Bukit Abal      | 17.9                    |
| 6      | Gong Datuk      | 16.0                    |
| 7      | Bukit Awang     | 12.2                    |
| 8      | Limbongan       | 6.3                     |
| Jumlah |                 | 166.9                   |

Sumber : Bahagian Pentadbiran, Pejabat Daerah Pasir Puteh, Kelantan.

Penggunaan tanah di Jajahan Pasir Puteh sebahagian besarnya digunakan untuk aktiviti pertanian. Seluas 50 213 ekar tanah digunakan untuk penanaman padi. Manakala untuk tanaman getah seluas 19 287.196 ekar tanah digunakan dan 17 104.698 ekar tanah pula merupakan kawasan dusun buah-buahan.

Kawasan hutan simpan masih terdapat seluas 7 315.868 ekar di Jajahan Pasir Puteh. Manakala seluas 5 077.6 ekar tanah merupakan kawasan bukit bakau. Kawasan simpanan ragut pula seluas 2 115.568 ekar. Tanah seluas 2 000 ekar pula tanah kerajaan dan seluas 1 240.607 ekar tanah adalah untuk simpanan awam. Selebihnya tanah digunakan untuk tujuan-tujuan lain seperti lot kediaman, kawasan industri dan sebagainya seluas 2 845.162 ekar. Jadual 3.5 berikut menunjukkan pecahan penggunaan tanah mengikut keluasan.

Jadual 3.5 : Taburan Penggunaan Tanah Dan Keluasan.

| Bil    | Penggunaan     | Keluasan (ekar) | Peratus (%) |
|--------|----------------|-----------------|-------------|
| 1      | Tanah Padi     | 50 213.000      | 46.84 %     |
| 2      | Getah          | 19 287.196      | 17.99 %     |
| 3      | Dusun          | 17 104.698      | 15.96 %     |
| 4      | Hutan Simpan   | 7 315.868       | 6.82 %      |
| 5      | Bukit Bakau    | 5 077.600       | 4.74 %      |
| 6      | Lain-lain      | 2 845.162       | 2.65 %      |
| 7      | Simpanan Ragut | 2 115.568       | 1.97 %      |
| 8      | Tanah Kerajaan | 2 000.000       | 1.85 %      |
| 9      | Simpanan Awam  | 1 240.607       | 1.18 %      |
| Jumlah |                | 107 199.699     | 100 %       |

Sumber : Bahagian Pentadbiran, Pejabat Daerah Pasir Puteh, Kelantan.

### 3.1.6 Kemudahan Awam

Jajahan Pasir Puteh dilengkapi dengan kemudahan awam yang mencukupi.

Terdapat 2 buah pusat kesihatan besar, 4 buah pusat kesihatan kecil dan sebanyak 18 buah klinik desa. Manakala dari sudut kemudahan pendidikan pula terdapat 9 buah sekolah menengah, 10 buah sekolah menengah agama dan 34 buah sekolah rendah. Sebanyak 54 buah masjid disediakan kepada penduduk yang majoritinya beragama Islam. Selain itu terdapat 4 buah kuil, 2 buah tokong dan sebuah gereja.

Jadual 3.6 berikut menunjukkan taburan kemudahan awam dan bilangannya.

Jadual 3.6 : Taburan Kemudahan Awam.

#### Pusat Kesihatan

| Bil | Pusat Kesihatan       | Jumlah |
|-----|-----------------------|--------|
| 1   | Pusat Kesihatan Besar | 2      |
| 2   | Pusat Kesihatan Kecil | 4      |
| 3   | Klinik Desa           | 18     |

Sumber : Bahagian Pentadbiran, Pejabat Daerah Pasir Puteh, Kelantan.

#### Sekolah

| Bil | Sekolah                | Jumlah |
|-----|------------------------|--------|
| 1   | Sekolah Menengah       | 9      |
| 2   | Sekolah Menengah Agama | 10     |
| 3   | Sekolah Rendah         | 34     |

Sumber : Bahagian Pentadbiran, Pejabat Daerah Pasir Puteh, Kelantan.

#### Tempat Ibadat

| Bil | Tempat Ibadat | Jumlah |
|-----|---------------|--------|
| 1   | Masjid        | 54     |
| 2   | Kuil          | 4      |
| 3   | Gereja        | 1      |
| 4   | Tokong        | 2      |

Sumber : Bahagian Pentadbiran, Pejabat Daerah Pasir Puteh, Kelantan.

## 3.2 Keadaan demografi pengguna muslim di Pasir Puteh, Kelantan

Soal selidik telah dijalankan secara langsung kepada 150 orang responden yang beragama Islam di Pasir Puteh. Responden telah dipilih secara rawak daripada setiap mukim yang berada di dalam Jajahan Pasir Puteh bagi memastikan

data yang diperolehi dapat mewakili keseluruhan pengguna muslim di Pasir Puteh.

Responden hanya dipilih di kalangan ketua atau wakil isi rumah sahaja.

### 3.2.1 Jantina Ketua Isi Rumah

Taburan jantina bagi ketua isi rumah di Pasir Puteh menunjukkan bilangan ketua isi rumah lelaki lebih ramai daripada ketua isi rumah perempuan. Sebanyak 90% ketua isi rumah ialah lelaki iaitu seramai 135 orang dan ketua isi rumah perempuan adalah seramai 15 orang iaitu 10% daripada jumlah keseluruhan responden seramai 150 orang.

Secara umumnya kebanyakan isi rumah di Pasir Puteh diketuai oleh lelaki.

Jadual 3.7 menunjukkan taburan ketua isi rumah di Pasir Puteh mengikut jantina.

Jadual 3.7 : Taburan Jantina Ketua Isi Rumah.

|              | Frequency  | Percent (%)  | Valid Percent | Cumulative Percent |
|--------------|------------|--------------|---------------|--------------------|
| Valid lelaki | 135        | 90.0         | 90.0          | 90.0               |
| perempuan    | 15         | 10.0         | 10.0          | 100.0              |
| <b>Total</b> | <b>150</b> | <b>100.0</b> | <b>100.0</b>  |                    |

### 3.2.2 Umur Ketua Isi Rumah

Taburan umur ketua isi rumah di Pasir Puteh menunjukkan majoriti ketua isi rumah adalah dalam lingkungan umur 45 – 64 tahun iaitu sebanyak 44.7% yang diwakili oleh 67 orang responden daripada jumlah keseluruhan seramai 150 orang. Hanya 4% sahaja ketua isi rumah dalam lingkungan umur 16 – 24 tahun iaitu mewakili 6 orang responden yang merupakan kategori umur yang mempunyai kekerapan paling sedikit.

Kesimpulannya, sebahagian besar keluarga responden di Pasir Puteh diketuai oleh golongan yang telah berumur iaitu 45 tahun ke atas berbanding dengan golongan muda iaitu berumur 44 tahun ke bawah. Jadual 3.8 menunjukkan taburan ketua isi rumah di Pasir Puteh mengikut umur.

Jadual 3.8 : Taburan Umur Ketua Isi Rumah.

|                   | Frequency  | Percent (%)  | Valid Percent | Cumulative Percent |
|-------------------|------------|--------------|---------------|--------------------|
| Valid 16-24 tahun | 6          | 4.0          | 4.0           | 4.0                |
| 25-34 tahun       | 18         | 12.0         | 12.0          | 16.0               |
| 35-44 tahun       | 32         | 21.3         | 21.3          | 37.3               |
| 45-64 tahun       | 67         | 44.7         | 44.7          | 82.0               |
| 65 tahun ke atas  | 27         | 18.0         | 18.0          | 100.0              |
| <b>Total</b>      | <b>150</b> | <b>100.0</b> | <b>100.0</b>  |                    |

### 3.2.3 Tahap Pendidikan

Taburan tahap pendidikan ketua isi rumah di Pasir Puteh menunjukkan majoriti ketua isi rumah hanya mendapat pendidikan setakat sekolah rendah sahaja iaitu 38% yang mewakili 57 orang responden daripada jumlah keseluruhan seramai 150 orang. Manakala tahap pendidikan yang tertinggi iaitu sarjana atau Phd hanya 0.7% iaitu seorang responden sahaja.

Kesimpulannya, majoriti ketua isi rumah di Pasir Puteh hanya mendapat pendidikan di peringkat sekolah sahaja iaitu sekolah rendah dan sekolah menengah berbanding dengan pendidikan di peringkat yang lebih tinggi. Jadual 3.9 menunjukkan taburan ketua isi rumah di Pasir Puteh mengikut tahap pendidikan.

Jadual 3.9 : Taburan Tahap Pendidikan Ketua Isi Rumah

|                      | Frequency  | Percent (%)  | Valid Percent | Cumulative Percent |
|----------------------|------------|--------------|---------------|--------------------|
| Valid Sekolah rendah | 57         | 38.0         | 38.0          | 38.0               |
| SRP / PMR            | 28         | 18.7         | 18.7          | 56.7               |
| SPM / STPM           | 43         | 28.7         | 28.7          | 85.4               |
| Diploma              | 8          | 5.2          | 5.2           | 90.6               |
| Ijazah               | 13         | 8.7          | 8.7           | 99.3               |
| Sarjana / Phd        | 1          | 0.7          | 0.7           | 100.0              |
| <b>Total</b>         | <b>150</b> | <b>100.0</b> | <b>100.0</b>  |                    |

### 3.2.4 Jenis Pekerjaan

Taburan jenis pekerjaan ketua isi rumah menunjukkan majoriti ketua isi rumah bekerja di dalam bidang pertanian atau perikanan iaitu seramai 57 orang yang membentuk 38% daripada jumlah keseluruhan seramai 150 orang. Manakala bidang pekerjaan yang paling kecil jumlahnya ialah bidang profesional sebanyak 5.2% iaitu seramai 8 orang dan bidang pengurusan atau pentadbiran sebanyak 4.7% iaitu seramai 7 orang.

Kesimpulannya, kebanyakan ketua isi rumah di Pasir Puteh bekerja di sektor pertanian yang tidak memerlukan kepada kelayakan akademik yang tinggi berbanding dengan sektor perkhidmatan atau profesional yang memerlukan kelayakan akademik yang lebih tinggi. Jadual 3.10 menunjukkan taburan ketua isi rumah di Pasir Puteh mengikut tahap pekerjaan.

Jadual 3.10 : Taburan Jenis Pekerjaan Ketua Isi Rumah.

|       |                          | Frequency  | Percent (%)  | Valid Percent | Cumulative Percent |
|-------|--------------------------|------------|--------------|---------------|--------------------|
| Valid | profesional              | 8          | 5.2          | 5.2           | 5.2                |
|       | pengurusan / pentadbiran | 7          | 4.7          | 4.7           | 9.9                |
|       | sokongan                 | 22         | 14.7         | 14.7          | 24.6               |
|       | perkhidmatan             | 28         | 18.7         | 18.7          | 43.3               |
|       | pertanian / perikanan    | 57         | 38.0         | 38.0          | 81.3               |
|       | keusahawanan             | 28         | 18.7         | 18.7          | 100.0              |
|       | <b>Total</b>             | <b>150</b> | <b>100.0</b> | <b>100.0</b>  |                    |

Ujian Klasifikasi Silang (*crosstab*) tahap pendidikan dengan jenis pekerjaan ketua isi rumah menunjukkan hubungan yang positif iaitu kebanyakan ketua isi rumah yang mempunyai tahap pendidikan hanya di peringkat sekolah bekerja di dalam bidang pertanian atau perikanan iaitu 23.3% atau 35 orang yang berpendidikan sekolah rendah dan 9.3% atau 22 orang yang berpendidikan sekolah menengah. Selebihnya bekerja di dalam bidang keusahawanan iaitu 6.7%

atau 10 orang yang berpendidikan sekolah rendah dan 12% atau 18 orang yang berpendidikan sekolah menengah.

Sebaliknya ketua isi rumah yang mempunyai tahap pendidikan yang lebih tinggi atau pendidikan lanjutan seperti diploma, ijazah atau Phd pula kebanyakannya bekerja di dalam bidang profesional, pengurusan atau pentadbiran, perkhidmatan dan sokongan. Jadual 3.11 menunjukkan klasifikasi silang tahap pendidikan dengan jenis pekerjaan ketua isi rumah di Pasir Puteh.

Jadual 3.11 : Klasifikasi Silang Tahap Pendidikan Dengan Jenis Pekerjaan Ketua Isi Rumah.

|                                      |                | Jenis Pekerjaan |                         |               |               |               |                      | Jumlah        |
|--------------------------------------|----------------|-----------------|-------------------------|---------------|---------------|---------------|----------------------|---------------|
|                                      |                | Profesional     | Pengurusan /pentadbiran | Sokongan      | Perkhidmatan  | Usahawan      | Pertanian /perikanan |               |
| P<br>e<br>n<br>d<br>i<br>k<br>a<br>n | Sekolah rendah | 0               | 1<br>(0.7%)             | 6<br>(4%)     | 5<br>(3.3%)   | 10<br>(6.7%)  | 35<br>(23.3%)        | 57<br>(38%)   |
|                                      | SRP /PMR       | 0               | 0                       | 4<br>(2.7%)   | 5<br>(3.3%)   | 6<br>(4%)     | 13<br>(8.7%)         | 28<br>(18.7%) |
|                                      | SPM /STPM      | 0               | 4<br>(2.7%)             | 9<br>(6%)     | 9<br>(6%)     | 12<br>(8%)    | 9<br>(6%)            | 43<br>(28.7%) |
|                                      | Diploma        | 1<br>(0.7%)     | 1<br>(0.7%)             | 2<br>(1.3%)   | 4<br>(2.7%)   | 0             | 0                    | 8<br>(5.3%)   |
|                                      | Ijazah         | 7<br>(4.7%)     | 1<br>(0.7%)             | 1<br>(0.7%)   | 4<br>(2.7%)   | 0             | 0                    | 13<br>(8.7%)  |
|                                      | Sarjana /Phd   | 0               | 0                       | 0             | 1<br>(0.7%)   | 0             | 0                    | 1<br>(0.7%)   |
|                                      | Jumlah         | 8<br>(5.3%)     | 7<br>(4.7%)             | 22<br>(14.7%) | 28<br>(18.7%) | 28<br>(18.7%) | 57<br>(38%)          | 150<br>(100%) |

### 3.2.5 Bilangan Isi Rumah

Taburan bilangan isi rumah responden menunjukkan majoriti responden mempunyai bilangan isi rumah 4 – 6 orang iaitu seramai 60 orang yang membentuk 40% daripada jumlah keseluruhan 150 orang responden dan 28% mempunyai bilangan isi rumah 7 – 9 orang yang diwakili oleh 42 orang responden. Manakala kategori bilangan isi rumah 16 orang ke atas hanya seorang responden sahaja yang mewakili 0.7% daripada jumlah keseluruhan.

Kesimpulannya, kebanyakan isi rumah di Pasir Puteh mempunyai bilangan isi rumah yang sederhana ramai iaitu di antara 4 – 9 orang. Jadual 3.12 menunjukkan taburan responden di Pasir Puteh mengikut bilangan isi rumah.

Jadual 3.12 : Taburan Bilangan Isi Rumah Responden.

|                   | Frequency  | Percent (%)  | Valid Percent | Cumulative Percent |
|-------------------|------------|--------------|---------------|--------------------|
| Valid 1 – 3 orang | 25         | 16.7         | 16.7          | 16.7               |
| 4 – 6 orang       | 60         | 40.0         | 40.0          | 56.7               |
| 7 – 9 orang       | 42         | 28.0         | 28.0          | 84.7               |
| 10 – 12 orang     | 22         | 14.6         | 14.6          | 99.3               |
| 16 orang ke atas  | 1          | 0.7          | 0.7           | 100.0              |
| <b>Total</b>      | <b>150</b> | <b>100.0</b> | <b>100.0</b>  |                    |

### 3.2.6 Pendapatan Bulanan Isi Rumah

Taburan pendapatan isi rumah menunjukkan majoriti isi rumah di Pasir Puteh mempunyai pendapatan bulanan sebanyak RM 226 – RM 510 iaitu seramai 48 orang yang mewakili 32% daripada jumlah keseluruhan 150 orang responden. Hanya seorang sahaja atau 0.7% responden yang mempunyai pendapatan bulanan sebanyak RM 3001 – RM 4000 dan 4 orang atau 2.7% responden pula mempunyai pendapatan sebanyak RM 4001 ke atas.<sup>1</sup>

Kesimpulannya, majoriti responden di Pasir Puteh berada di bawah tahap kemiskinan iaitu pendapatan bulanan di bawah RM 510 sebulan<sup>2</sup>. Manakala seramai 14 orang responden yang mewakili 9.3% responden pula berada dalam kategori kemiskinan mutlak iaitu pendapatan bulanan kurang daripada RM 225<sup>3</sup>. Jadual 3.13 menunjukkan taburan responden di Pasir Puteh mengikut pendapatan bulanan isi rumah.

Jadual 3.13 : Taburan Pendapatan Bulanan Isi Rumah

|                       | Frequency  | Percent (%)  | Valid Percent | Cumulative Percent |
|-----------------------|------------|--------------|---------------|--------------------|
| Valid RM 225 ke bawah | 14         | 9.3          | 9.3           | 9.3                |
| RM 226 – RM 510       | 48         | 32.0         | 32.0          | 41.3               |
| RM 511 – RM 1020      | 44         | 29.3         | 29.3          | 70.7               |
| RM 1021 – RM 1500     | 18         | 12.0         | 12.0          | 82.7               |
| RM 1501 – RM 2000     | 13         | 8.7          | 8.7           | 91.3               |
| RM 2001 – RM 3000     | 8          | 5.3          | 5.3           | 96.7               |
| RM 3001 – RM 4000     | 1          | 0.7          | 0.7           | 97.3               |
| RM 4001 ke atas       | 4          | 2.7          | 2.7           | 100.0              |
| <b>Total</b>          | <b>150</b> | <b>100.0</b> | <b>100.0</b>  |                    |

Ujian Klasifikasi Silang (*crosstab*) jenis pekerjaan dengan pendapatan bulanan isi rumah menunjukkan hubungan yang positif iaitu ketua isi rumah yang bekerja di dalam bidang pertanian atau perikanan dan keusahawanan hanya mendapat pendapatan bulanan sebanyak RM 225 ke bawah iaitu 8.7% atau seramai 13 orang yang boleh diletakkan dalam kategori kemiskinan mutlak. Ketua isi rumah yang berpendapatan RM 226 – RM 510 yang boleh dikategorikan berada di bawah garis kemiskinan pula sebanyak 32% atau 48 orang yang mana 18% atau 27 orang daripadanya bekerja di dalam bidang pertanian atau perikanan.<sup>4</sup> Manakala di dalam bidang sokongan dan bidang keusahawanan pula masing-masing 5.3% atau 8 orang serta 3.3% atau 5 orang di dalam bidang perkhidmatan.

Ini kerana kebanyakan penduduk di Pasir Puteh terutamanya di kawasan kampung hanya menjalankan aktiviti pertanian dan perikanan dalam skala yang kecil<sup>5</sup> sahaja. Begitu juga dengan aktiviti keusahawanan yang hanya dijalankan secara kecil-kecilan seperti menjual hasil pertanian, perniagaan kedai runcit, kedai kopi atau membuat ikan kering.<sup>6</sup>

Semua ketua isi rumah yang berpendapatan melebihi RM 1500 <sup>7</sup> pula bekerja samada di dalam bidang sokongan, perkhidmatan, pengurusan atau pentadbiran dan profesional. Hanya seorang sahaja atau 0.7% ketua isi rumah yang bekerja di dalam bidang keusahawanan yang memperolehi pendapatan bulanan sebanyak RM 2 001 – RM 3 000. Jadual 3.14 menunjukkan klasifikasi silang jenis pekerjaan dengan pendapatan bulanan isi rumah di Pasir Puteh.

Jadual 3.14 : Klasifikasi Silang Jenis Pekerjaan Dengan Pendapatan Bulanan Isi Rumah.

|                   | Jenis Pekerjaan |                         |               |               |               |                      | Jumlah        |
|-------------------|-----------------|-------------------------|---------------|---------------|---------------|----------------------|---------------|
|                   | Profesional     | Pengurusan /pentadbiran | Sokongan      | Perkhidmatan  | Usahawan      | Pertanian /perikanan |               |
| RM 225 ke bawah   | 0               | 0                       | 0             | 0             | 1<br>(0.7%)   | 13<br>(8.7%)         | 14<br>(9.3%)  |
| RM 226 - RM 510   | 0               | 0                       | 8<br>(5.3%)   | 5<br>(3.3%)   | 8<br>(5.3%)   | 27<br>(18%)          | 48<br>(32%)   |
| RM 511 - RM 1020  | 0               | 1<br>(0.7%)             | 7<br>(4.7%)   | 7<br>(4.7%)   | 14<br>(9.3%)  | 15<br>(10%)          | 44<br>(29.3%) |
| RM 1021 - RM 1500 | 0               | 1<br>(0.7%)             | 4<br>(2.7)    | 7<br>(4.7%)   | 4<br>(2.7%)   | 2<br>(1.3%)          | 18<br>(12%)   |
| RM 1501 - RM 2000 | 2<br>(1.3%)     | 3<br>(2%)               | 3<br>(2%)     | 5<br>(3.3)    | 0             | 0                    | 13<br>(8.7%)  |
| RM 2001 - RM 3000 | 3<br>(2%)       | 2<br>(1.3%)             | 0             | 2<br>(1.3%)   | 1<br>(0.7%)   | 0                    | 8<br>(5.3%)   |
| RM 3001 - RM 4000 | 1<br>(0.7%)     | 0                       | 0             | 0             | 0             | 0                    | 1<br>(0.7%)   |
| RM 4001 ke atas   | 2<br>(1.3%)     | 0                       | 0             | 2<br>(1.3%)   | 0             | 0                    | 4<br>(2.7%)   |
| Jumlah            | 8<br>(5.3%)     | 7<br>(4.7%)             | 22<br>(14.7%) | 28<br>(18.7%) | 28<br>(18.7%) | 57<br>(38%)          | 150<br>(100%) |

### 3.2.7 Kawasan Tempat Tinggal

Taburan kawasan tempat tinggal menunjukkan responden di Pasir Puteh seramai 129 orang yang mewakili 86% tinggal di kawasan kampung daripada jumlah keseluruhan seramai 150 orang. Manakala selebihnya iaitu seramai 21 orang yang mewakili 14% responden tinggal di kawasan pekan Pasir Puteh.

Kesimpulannya, kebanyakan isi rumah di Pasir Puteh masih tinggal di kawasan kampung dan hanya sebahagian kecil sahaja yang tinggal di kawasan pekan iaitu pekan Pasir Puteh yang berada di dalam Daerah Limbongan. Jadual

3.15 menunjukkan taburan responden di Pasir Puteh mengikut kawasan tempat tinggal.

Jadual 3.15 : Taburan Kawasan Tempat Tinggal Responden.

|       |                      | Frequency  | Percent (%)  | Valid Percent | Cumulative Percent |
|-------|----------------------|------------|--------------|---------------|--------------------|
| Valid | kampung              | 129        | 86.0         | 86.0          | 86.0               |
|       | pekan / bandar kecil | 21         | 14.0         | 14.0          | 100.0              |
|       | <b>Total</b>         | <b>150</b> | <b>100.0</b> | <b>100.0</b>  |                    |

### 3.2.8 Taraf Perkahwinan

Taburan taraf perkahwinan menunjukkan majoriti ketua isi rumah di Pasir Puteh berkahwin iaitu seramai 134 orang yang mewakili 89.3% daripada jumlah keseluruhan 150 orang responden. Manakala ketua isi rumah yang bertaraf balu iaitu perempuan yang kematian suami adalah seramai 6 orang yang mewakili 4% daripada jumlah keseluruhan. Ketua isi rumah yang bertaraf bujang mempunyai bilangan yang sama dengan responden yang bertaraf balu. Hanya 4 orang ketua isi rumah yang bertaraf duda atau janda iaitu mewakili 2.7% jumlah keseluruhan responden. Jadual 3.16 dan menunjukkan taburan ketua isi rumah di Pasir Puteh mengikut taraf perkahwinan.

Jadual 3.16 : Taburan Taraf Perkahwinan Ketua Isi Rumah.

|       |              | Frequency  | Percent (%)  | Valid Percent | Cumulative Percent |
|-------|--------------|------------|--------------|---------------|--------------------|
| Valid | berkahwin    | 134        | 89.3         | 89.3          | 89.3               |
|       | bujang       | 6          | 4.0          | 4.0           | 93.3               |
|       | duda / janda | 4          | 2.7          | 2.7           | 96.0               |
|       | balu         | 6          | 4.0          | 4.0           | 100.0              |
|       | <b>Total</b> | <b>150</b> | <b>100.0</b> | <b>100.0</b>  |                    |


### 3.3 Peruntukan perbelanjaan untuk barang keperluan

Taburan peruntukan perbelanjaan untuk barang keperluan bagi tempoh sebulan menunjukkan majoriti responden di Pasir Puteh membelanjakan sebanyak RM 226 – RM 510 iaitu seramai 62 orang yang mewakili 41.3% daripada jumlah keseluruhan 150 orang responden. Manakala hanya seorang sahaja responden yang membelanjakan RM 3001 – RM 4000 yang mewakili 0.7% jumlah keseluruhan. Jadual 3.17 dan rajah 3.1 menunjukkan taburan responden di Pasir Puteh mengikut peruntukan perbelanjaan untuk barang keperluan.

Jadual 3.17 : Taburan Peruntukan Perbelanjaan Untuk Barang Keperluan

|                       | Frequency  | Percent (%)  | Valid Percent | Cumulative Percent |
|-----------------------|------------|--------------|---------------|--------------------|
| Valid RM 225 ke bawah | 17         | 11.3         | 11.3          | 11.3               |
| RM 226 – RM 510       | 62         | 41.3         | 41.3          | 52.7               |
| RM 511 – RM 1020      | 37         | 24.7         | 24.7          | 77.3               |
| RM 1021 – RM 1500     | 17         | 11.3         | 11.3          | 88.7               |
| RM 1501 – RM 2000     | 13         | 8.7          | 8.7           | 97.3               |
| RM 2001 – RM 3000     | 3          | 2.0          | 2.0           | 99.3               |
| RM 3001 – RM 4000     | 1          | 0.7          | 0.7           | 100.0              |
| <b>Total</b>          | <b>150</b> | <b>100.0</b> | <b>100.0</b>  |                    |

Rajah 3.1 : Taburan Peruntukan Perbelanjaan Untuk Barang Keperluan



Klasifikasi silang (*crosstab*) pendapatan bulanan isi rumah dengan peruntukan perbelanjaan untuk barang keperluan menunjukkan responden yang

berpendapatan rendah terpaksa menghabiskan semua pendapatan bulanan mereka untuk mendapatkan barang keperluan.

Isi rumah yang berpendapatan bulanan RM 225 ke bawah seramai 13 orang atau 8.7% responden membelanjakan semua pendapatan bulanan mereka untuk barang keperluan dan terdapat seorang responden atau 0.7% responden yang mengalami defisit kerana berbelanja sebanyak RM 226 – RM 510 yang mana melebihi pendapatannya RM 225 ke bawah. Begitu juga dengan 48 isi rumah atau 32% responden yang mempunyai pendapatan bulanan sebanyak RM 226 – RM 510 yang mana 44 orang atau 29.3% daripadanya membelanjakan kesemua pendapatan mereka dan 4 orang atau 2.7% lagi membelanjakan RM 225 ke bawah.

Manakala 44 isi rumah atau 29.3% yang mempunyai pendapatan bulanan sebanyak RM 511 – RM 1020 pula seramai 28 orang atau 18.7% daripadanya menghabiskan kesemua pendapatan mereka dan 16 orang atau 10.7% lagi membelanjakan RM 226 – RM 510.

Kesimpulannya, hampir keseluruhan isi rumah yang berpendapatan RM 510 ke bawah yang boleh dikategorikan berada di bawah garis kemiskinan membelanjakan kesemua pendapatan bulanan mereka untuk barang keperluan. Sedangkan sebahagian daripada isi rumah yang mempunyai pendapatan melebihi RM 510 atau berada di luar garis kemiskinan masih mempunyai lebihan wang atau tabungan setelah berbelanja untuk barang keperluan. Jadual 3.18

menunjukkan klasifikasi silang peruntukan perbelanjaan untuk barang keperluan dengan pendapatan bulanan isi rumah di Pasir Puteh.

Jadual 3.18 : Klasifikasi Silang Peruntukan Perbelanjaan Untuk Barang Keperluan Dengan Pendapatan Bulanan Isi Rumah.

|                                                |                         | Peruntukan Perbelanjaan Untuk Barang Keperluan |                       |                       |                        |                         |                         |                         |                    | Jumlah                |
|------------------------------------------------|-------------------------|------------------------------------------------|-----------------------|-----------------------|------------------------|-------------------------|-------------------------|-------------------------|--------------------|-----------------------|
|                                                |                         | RM 225<br>ke bawah                             | RM 226 –<br>RM 510    | RM 511 –<br>RM 1020   | RM 1021<br>–RM<br>1500 | RM 1501 –<br>RM<br>2000 | RM 2001 –<br>RM<br>3000 | RM 3001 –<br>RM<br>4000 | RM 4001<br>ke atas |                       |
| P<br>e<br>n<br>d<br>a<br>p<br>a<br>t<br>a<br>n | RM 225<br>ke bawah      | 13<br>(8.7%)                                   | 1<br>(0.7%)           | 0                     | 0                      | 0                       | 0                       | 0                       | 0                  | 14<br>(9.3%)          |
|                                                | RM 226 –<br>RM 510      | 4<br>(2.7%)                                    | 44<br>(29.3%)         | 0                     | 0                      | 0                       | 0                       | 0                       | 0                  | 48<br>(32%)           |
|                                                | RM 511 –<br>RM 1020     | 0                                              | 16<br>(10.7%)         | 28<br>(18.7%)         | 0                      | 0                       | 0                       | 0                       | 0                  | 44<br>(29.3)          |
|                                                | RM 1021<br>–<br>RM 1500 | 0                                              | 1<br>(0.7%)           | 5<br>(3.3%)           | 12<br>(*)              | 0                       | 0                       | 0                       | 0                  | 18<br>(12%)           |
|                                                | RM 1501<br>–<br>RM 2000 | 0                                              | 0                     | 2<br>(1.3%)           | 5<br>(3.3%)            | 6<br>(\$)               | 0                       | 0                       | 0                  | 13<br>(8.7%)          |
|                                                | RM 2001<br>–<br>RM 3000 | 0                                              | 0                     | 2<br>(1.3%)           | 0                      | 5<br>(3.3%)             | 1<br>(0.7%)             | 0                       | 0                  | 8<br>(5.3%)           |
|                                                | RM 3001<br>–<br>RM 4000 | 0                                              | 0                     | 0                     | 0                      | 0                       | 0                       | 1<br>(0.7%)             | 0                  | 1<br>(0.7%)           |
|                                                | RM 4001<br>ke atas      | 0                                              | 0                     | 0                     | 0                      | 2<br>(1.3%)             | 2<br>(1.3%)             | 0                       | 0                  | 4<br>(2.7%)           |
|                                                | <b>Jumlah</b>           | <b>17<br/>(11.3%)</b>                          | <b>62<br/>(41.3%)</b> | <b>37<br/>(24.7%)</b> | <b>17<br/>(11.3%)</b>  | <b>13<br/>(8.7%)</b>    | <b>3<br/>(2%)</b>       | <b>1<br/>(0.7%)</b>     | <b>0</b>           | <b>150<br/>(100%)</b> |

### 3.4 Barang keperluan yang menjadi pilihan utama pengguna

#### 3.4.1 Barang *darūriyyāt* yang menjadi pilihan pengguna.

Taburan barang *darūriyyāt* yang menjadi pilihan pengguna menunjukkan kesemua 150 orang responden di Pasir Puteh memilih makanan dan minuman, barang keperluan dapur, bil air dan elektrik dan barang kegunaan bilik mandi sebagai barang yang mesti ada dalam perbelanjaan bulanan mereka. Begitu juga dengan bahan pencuci, yuran dan peralatan sekolah, minyak motor atau kereta,<sup>8</sup> bil telefon<sup>9</sup> dan perubatan telah dipilih oleh majoriti responden.


Walaupun pakaian dan kasut adalah barang keperluan asas hanya 34.7% atau 52 orang responden sahaja yang memilihnya kerana pakaian dan kasut tidak

dibeli setiap bulan. Manakala hanya 21 orang responden sahaja iaitu 14% yang memilih sewa rumah sebagai perbelanjaan wajib setiap bulan. Jadual 3.19 dan Rajah 3.2 menunjukkan taburan responden di Pasir Puteh mengikut barangan *darūriyyāt* yang menjadi pilihan utama.

Jadual 3.19 : Taburan barang *darūriyyāt* yang menjadi pilihan pengguna.

| Barang <i>Darūriyyāt</i>    | Kekerapan dipilih | Kekerapan tidak dipilih | Peratus (%)<br>Dipilih |
|-----------------------------|-------------------|-------------------------|------------------------|
| Makanan dan minuman         | 150               | 0                       | 100.0                  |
| Barang keperluan dapur      | 150               | 0                       | 100.0                  |
| Bil air dan elektrik        | 150               | 0                       | 100.0                  |
| Barang kegunaan bilik mandi | 150               | 0                       | 100.0                  |
| Bahan pencuci               | 149               | 1                       | 99.3                   |
| Yuran dan peralatan sekolah | 129               | 21                      | 86.0                   |
| Minyak motor / kereta       | 125               | 25                      | 83.3                   |
| Bil telefon                 | 115               | 35                      | 76.7                   |
| Perubatan                   | 77                | 73                      | 51.3                   |
| Pakaian dan kasut           | 52                | 98                      | 34.7                   |
| Sewa rumah                  | 21                | 129                     | 14.0                   |

Rajah 3.2 : Taburan barang *darūriyyāt* yang menjadi pilihan pengguna.




### 3.4.2 Barang *hājiyyāt* yang menjadi pilihan pengguna

Taburan barang *hājiyyāt* yang menjadi pilihan pengguna menunjukkan TV dan radio menjadi pilihan utama pengguna iaitu seramai 139 orang yang mewakili 92.7% daripada keseluruhan 150 orang responden. Manakala khidmat pembaikan merupakan kategori yang paling sedikit dipilih iaitu hanya oleh seorang responden sahaja yang mewakili 0.7% keseluruhan responden. Jadual 3.20 dan Rajah 3.3 menunjukkan taburan responden di Pasir Puteh mengikut barangan *hājiyyāt* yang menjadi pilihan.

Jadual 3.20 : Taburan barang *hājiyyāt* yang menjadi pilihan pengguna.

| Barang <i>Hājiyyāt</i> | Kekerapan Dipilih | Kekerapan tidak dipilih | Peratus (%) dipilih |
|------------------------|-------------------|-------------------------|---------------------|
| TV dan radio           | 139               | 11                      | 92.7                |
| Peti sejuk             | 115               | 35                      | 76.7                |
| Mesin basuh            | 84                | 66                      | 56.0                |
| Akhbar dan majalah     | 54                | 96                      | 36.0                |
| Telefon bimbit         | 38                | 112                     | 25.3                |
| Pengangkutan awam      | 38                | 112                     | 25.3                |
| Ansuran kenderaan      | 29                | 121                     | 19.3                |
| Perkhidmatan Pos       | 8                 | 142                     | 5.3                 |
| Alat permainan         | 6                 | 144                     | 4.0                 |
| Perabot                | 3                 | 147                     | 2.0                 |
| Khidmat pembaikan      | 1                 | 149                     | 0.7                 |

Rajah 3.3 : Taburan barang *hājiyyāt* yang menjadi pilihan pengguna.




### 3.4.3 Barang *taḥṣīniyyāt* yang menjadi pilihan pengguna.

Taburan barang *taḥṣīniyyāt* yang menjadi pilihan pengguna menunjukkan makanan kesihatan menjadi pilihan paling utama iaitu seramai 49 orang responden yang mewakili 32.7% daripada keseluruhan 150 orang responden. Manakala kategori melancong pula tidak dipilih oleh mana-mana responden. Jadual 3.21 dan Rajah 3.4 menunjukkan taburan responden di Pasir Puteh mengikut barangan *taḥṣīniyyāt* yang menjadi pilihan utama.

Jadual 3.21 : Taburan barang *taḥṣīniyyāt* yang menjadi pilihan pengguna.

| Barang <i>Taḥṣīniyyāt</i> | Kekerapan dipilih | Kekerapan tidak dipilih | Peratus (%) dipilih |
|---------------------------|-------------------|-------------------------|---------------------|
| Makanan kesihatan         | 49                | 101                     | 32.7                |
| Makan di luar rumah       | 30                | 120                     | 20.0                |
| Barangan kosmetik         | 25                | 125                     | 16.7                |
| Rokok                     | 23                | 127                     | 15.3                |
| Komputer dan internet     | 14                | 136                     | 9.3                 |
| Perkhidmatan nursery      | 11                | 139                     | 7.3                 |
| Alat sukan                | 4                 | 146                     | 2.7                 |
| Barang kemas              | 3                 | 147                     | 2.0                 |
| Gaji pembantu rumah       | 2                 | 148                     | 1.3                 |
| Penghawa dingin           | 1                 | 149                     | 0.7                 |
| Melancong                 | 0                 | 150                     | 0.0                 |

Rajah 3.4 : Taburan barang *taḥṣīniyyāt* yang menjadi pilihan pengguna.



### 3.4.4 Barang keperluan yang menjadi pilihan utama pengguna

Kesimpulannya taburan barang yang menjadi pilihan pengguna menunjukkan terdapat 10 jenis barang yang menjadi pilihan utama pengguna iaitu dipilih oleh lebih daripada 70% responden. Jadual 3.22 menunjukkan taburan responden di Pasir Puteh mengikut barang keperluan yang menjadi pilihan utama pengguna.

Jadual 3.22 : Taburan barang keperluan yang menjadi pilihan utama pengguna.

| Barang keperluan            | Kekerapan dipilih | Kekerapan tidak dipilih | Peratus (%) Dipilih |
|-----------------------------|-------------------|-------------------------|---------------------|
| Makanan dan minuman         | 150               | 0                       | 100.0               |
| Barang keperluan dapur      | 150               | 0                       | 100.0               |
| Bil air dan elektrik        | 150               | 0                       | 100.0               |
| Barang kegunaan bilik mandi | 150               | 0                       | 100.0               |
| Bahan pencuci               | 149               | 1                       | 99.3                |
| TV dan radio                | 139               | 11                      | 92.7                |
| Yuran dan peralatan sekolah | 129               | 21                      | 86.0                |
| Minyak motor / kereta       | 125               | 25                      | 83.3                |
| Bil telefon                 | 115               | 35                      | 76.7                |
| Peti sejuk                  | 115               | 35                      | 76.7                |

### 3.5 Faktor tarikan pembelian barang keperluan

Responden telah diberikan lima faktor tarikan yang mendorong mereka membeli sesuatu barang keperluan iaitu faktor diskaun harga, label halal, pembungkusan yang menarik, iklan yang tersebar luas dan tarikh luput barang.

Majoriti responden di Pasir Puteh iaitu seramai 109 orang yang mewakili 72.7% keseluruhan 150 orang responden meletakkan label halal sebagai faktor tarikan yang paling utama. Manakala seramai 33 orang atau 22% memilih faktor diskaun harga sebagai faktor tarikan pembelian yang paling utama.


Faktor tarikh luput hanya dipilih oleh 5 orang atau 3.3% responden sahaja dan faktor iklan yang tersebar luas pula dipilih hanya oleh 2 orang atau 1.3%

responden manakala faktor pembungkusan yang menarik pula hanya dipilih oleh seorang atau 0.7% responden sahaja. Jadual 3.23 dan Rajah 3.5 menunjukkan taburan faktor tarikan pembelian barang keperluan yang paling utama bagi responden di Pasir Puteh.

Jadual 3.23 : Taburan faktor tarikan pembelian barang keperluan yang paling utama.

| Faktor Tarikan Pembelian  | Kekerapan  | Peratus (%)   |
|---------------------------|------------|---------------|
| Label halal               | 109        | 72.7          |
| Diskaun harga             | 33         | 22.0          |
| Tarikh luput              | 5          | 3.3           |
| Iklan yang tersebar luas  | 2          | 1.3           |
| Pembungkusan yang menarik | 1          | 0.7           |
| <b>Jumlah</b>             | <b>150</b> | <b>100.00</b> |

Rajah 3.5 : Taburan faktor tarikan pembelian barang keperluan yang paling utama



### 3.5.1 Faktor Label Halal

Seramai 109 orang responden yang mewakili 72.6% daripada keseluruhan 150 orang responden menyatakan faktor label halal adalah paling utama. Manakala 30 orang yang mewakili 20% responden menyatakannya sebagai faktor utama. Hanya 7 orang responden yang mewakili 4.7% responden menyatakan label halal sebagai faktor yang kurang utama. Selebihnya 3 orang atau 2% responden menyatakan faktor ini sebagai tidak utama dan seorang atau 0.7%

responden menyatakan sebagai paling tidak utama. Jadual 3.24 menunjukkan taburan responden di Pasir Puteh mengikut faktor label halal.

Jadual 3.24 : Taburan responden mengikut faktor label halal

|                    | Frequency  | Percent (%)  | Valid Percent | Cumulative Percent |
|--------------------|------------|--------------|---------------|--------------------|
| Valid paling utama | 109        | 72.6         | 72.6          | 72.6               |
| utama              | 30         | 20.0         | 20.0          | 92.6               |
| kurang utama       | 7          | 4.7          | 4.7           | 97.3               |
| tidak utama        | 3          | 2.0          | 2.0           | 99.3               |
| paling tidak utama | 1          | 0.7          | 0.7           | 100.0              |
| <b>Total</b>       | <b>150</b> | <b>100.0</b> | <b>100.0</b>  |                    |

### 3.5.2 Faktor Diskaun Harga

Seramai 33 orang responden yang mewakili 22% keseluruhan 150 orang responden menyatakan faktor diskaun harga sebagai faktor yang paling utama. Majoriti responden iaitu seramai 70 orang yang mewakili 46.7% responden menyatakan diskaun harga adalah faktor yang utama. Manakala 40 orang responden yang mewakili 27.3% menyatakan faktor ini adalah kurang utama. Selebihnya 5 orang atau 3.3% responden menyatakan tidak utama dan 2 orang atau 1.3% menyatakan paling tidak utama. Jadual 3.25 menunjukkan taburan responden di Pasir Puteh mengikut faktor diskaun harga.

Jadual 3.25 : Taburan responden mengikut faktor diskaun harga

|                    | Frequency  | Percent (%)  | Valid Percent | Cumulative Percent |
|--------------------|------------|--------------|---------------|--------------------|
| Valid paling utama | 33         | 22.0         | 22.0          | 21.3               |
| utama              | 70         | 46.7         | 46.7          | 68.0               |
| kurang utama       | 40         | 26.7         | 26.7          | 95.3               |
| tidak utama        | 5          | 3.3          | 3.3           | 98.7               |
| paling tidak utama | 2          | 1.3          | 1.3           | 100.0              |
| <b>Total</b>       | <b>150</b> | <b>100.0</b> | <b>100.0</b>  |                    |

### 3.5.3 Faktor Tarikh Luput

Majoriti responden iaitu seramai 49 orang responden yang membentuk 32.7% keseluruhan 150 orang responden menyatakan faktor tarikh luput sebagai

faktor yang kurang utama. Namun 42 orang responden yang mewakili 28% responden menyatakannya sebagai faktor yang utama. Manakala 22.7% responden iaitu seramai 34 orang menyatakannya sebagai tidak utama. Selebihnya 20 orang responden atau 13.3% menyatakannya sebagai faktor yang paling tidak utama dan hanya 5 orang atau 3.3% sahaja menyatakannya sebagai faktor yang paling utama. Jadual 3.26 menunjukkan taburan responden di Pasir Puteh mengikut faktor tarikh luput.

Jadual 3.26 : Taburan responden mengikut faktor tarikh luput

|       |                    | Frequency  | Percent (%)  | Valid Percent | Cumulative Percent |
|-------|--------------------|------------|--------------|---------------|--------------------|
| Valid | paling utama       | 5          | 3.3          | 3.3           | 3.3                |
|       | utama              | 42         | 28.0         | 28.0          | 31.3               |
|       | kurang utama       | 49         | 32.7         | 32.7          | 64.0               |
|       | tidak utama        | 34         | 22.7         | 22.7          | 86.7               |
|       | paling tidak utama | 20         | 13.3         | 13.3          | 100.0              |
|       | <b>Total</b>       | <b>150</b> | <b>100.0</b> | <b>100.0</b>  |                    |

#### 3.5.4 Faktor Iklan Yang Tersebar Luas

Majoriti responden menyatakan faktor ini sebagai faktor yang paling tidak utama iaitu seramai 73 orang responden yang mewakili 48.7% keseluruhan 150 orang responden. Manakala 39 orang responden yang mewakili 26% menyatakannya sebagai tidak utama dan 30 orang lagi yang membentuk 20% responden menyatakannya sebagai kurang utama. Selebihnya 6 orang atau 4% responden yang menyatakan faktor iklan sebagai faktor utama dan hanya seorang atau 0.7% responden menyatakannya sebagai faktor yang paling utama. Jadual 3.27 menunjukkan taburan responden di Pasir Puteh mengikut faktor iklan yang tersebar luas.

Jadual 3.27 : Taburan responden mengikut faktor iklan yang tersebar luas

|       |                    | Frequency  | Percent (%)  | Valid Percent | Cumulative Percent |
|-------|--------------------|------------|--------------|---------------|--------------------|
| Valid | paling utama       | 2          | 1.3          | 1.3           | 1.3                |
|       | utama              | 6          | 4.0          | 4.0           | 5.3                |
|       | kurang utama       | 30         | 20.0         | 20.0          | 25.3               |
|       | tidak utama        | 39         | 26.0         | 26.0          | 51.3               |
|       | paling tidak utama | 73         | 48.7         | 48.7          | 100.0              |
|       | <b>Total</b>       | <b>150</b> | <b>100.0</b> | <b>100.0</b>  |                    |

### 3.5.5 Faktor Pembungkusan Yang Menarik

Majoriti responden iaitu seramai 69 orang yang mewakili 46% keseluruhan 150 orang responden menyatakan faktor ini sebagai tidak utama. Manakala 36% responden iaitu seramai 54 orang menyatakannya sebagai paling tidak utama. Hanya 23 orang responden yang mewakili 15.3% menyatakan sebagai kurang utama. Selebihnya 3 orang atau 2% responden menyatakannya sebagai utama dan hanya seorang atau 0.7% sahaja responden yang menyatakan faktor ini sebagai faktor yang paling utama. Jadual 3.28 menunjukkan taburan responden di Pasir Puteh mengikut faktor pembungkusan yang menarik.

Jadual 3.28 : Taburan responden mengikut faktor pembungkusan menarik

|       |                    | Frequency  | Percent (%)  | Valid Percent | Cumulative Percent |
|-------|--------------------|------------|--------------|---------------|--------------------|
| Valid | paling utama       | 1          | 0.7          | 0.7           | 0.7                |
|       | utama              | 3          | 2.0          | 2.0           | 2.7                |
|       | kurang utama       | 23         | 15.3         | 15.3          | 18.0               |
|       | tidak utama        | 69         | 46.0         | 46.0          | 64.0               |
|       | paling tidak utama | 54         | 36.0         | 36.0          | 100.0              |
|       | <b>Total</b>       | <b>150</b> | <b>100.0</b> | <b>100.0</b>  |                    |

Kesimpulannya, terdapat dua faktor yang menjadi tarikan pembelian barang keperluan yang utama iaitu faktor label halal diikuti dengan faktor diskaun harga. Manakala tiga faktor selebihnya iaitu tarikh luput, iklan yang tersebar luas dan pembungkusan yang menarik kurang diberikan perhatian oleh pengguna di Pasir Puteh.

### 3.6 Saluran maklumat mengenai barang keperluan


Taburan min menunjukkan responden di Pasir Puteh mendapat maklumat mengenai barang keperluan paling kerap melalui rakan, jiran atau keluarga diikuti dengan media elektronik dan media cetak yang mana mempunyai nilai min melebihi nilai tiga iaitu 3.8200 (sisihan piawai : 1.04958) bagi rakan, jiran atau keluarga, 3.6600 (sisihan piawai : 1.16337) bagi media elektronik dan 3.2267 (sisihan piawai : 1.21593) bagi media cetak. Manakala internet pula merupakan saluran maklumat yang paling kurang digunakan untuk mendapat maklumat mengenai barang keperluan iaitu nilai min 1.2267 (sisihan piawai : 0.66743). Jadual 3.29 dan Rajah 3.6 menunjukkan taburan responden di Pasir Puteh mengikut saluran maklumat mengenai barang keperluan.

Jadual 3.29 : Taburan saluran maklumat mengenai barang keperluan

| Saluran maklumat           | Mean   | Std. Deviation |
|----------------------------|--------|----------------|
| Rakan, jiran atau keluarga | 3.8200 | 1.04958        |
| Media elektronik           | 3.6600 | 1.16337        |
| Media cetak                | 3.2267 | 1.21593        |
| Risalah                    | 2.4800 | 0.89533        |
| Agen jualan langsung       | 2.2400 | 0.81661        |
| Internet                   | 1.2267 | 0.66743        |

Taburan min adalah berasaskan kepada 5 nilai skala likert iaitu 1 = tidak pernah sehingga 5 =paling kerap. Semakin tinggi nilai min menunjukkan kekerapan yang semakin tinggi.

Rajah 3.6 : Taburan saluran maklumat mengenai barang keperluan



### 3.6.1 Maklumat daripada rakan, jiran atau keluarga

Seramai 48 orang atau 32% responden menyatakan paling kerap mendapat maklumat mengenai barang keperluan daripada rakan, jiran atau keluarga. Manakala 32.7% responden atau 49 orang responden menyatakan kerap diikuti oleh 32 orang atau 21.3% responden yang mengatakan kadang-kadang dan 20 orang atau 13.3% responden mengatakan jarang. Hanya seorang atau 0.7% responden sahaja yang menyatakan tidak pernah mendapat maklumat daripada rakan, jiran atau keluarga. Jadual 3.30 menunjukkan taburan responden di Pasir Puteh mengikut maklumat daripada rakan, jiran atau keluarga.

Jadual 3.30 : Taburan responden mengikut maklumat rakan, jiran, keluarga

|       |               | Frequency  | Percent (%)  | Valid Percent | Cumulative Percent |
|-------|---------------|------------|--------------|---------------|--------------------|
| Valid | tidak pernah  | 1          | 0.7          | 0.7           | 0.7                |
|       | jarang        | 20         | 13.3         | 13.3          | 14.0               |
|       | kadang-kadang | 32         | 21.3         | 21.3          | 35.3               |
|       | kerap         | 49         | 32.7         | 32.7          | 68.0               |
|       | paling kerap  | 48         | 32.0         | 32.0          | 100.0              |
|       | <b>Total</b>  | <b>150</b> | <b>100.0</b> | <b>100.0</b>  |                    |

### 3.6.2 Maklumat daripada media elektronik

Seramai 43 orang responden atau 28.7% menyatakan paling kerap mendapat maklumat daripada media elektronik. Sedangkan majoriti responden iaitu 33.3% atau 50 orang responden menyatakan kerap mendapat maklumat daripada media elektronik. Manakala 24 orang responden yang mewakili 16% responden menyatakan kadang-kadang dan 19.3% responden atau 29 orang menyatakan jarang. Hanya 4 orang yang mewakili 2.7% responden menyatakan tidak pernah mendapat maklumat daripada saluran media elektronik. Jadual 3.31 menunjukkan taburan responden di Pasir Puteh mengikut maklumat daripada media elektronik.

Jadual 3.31 : Taburan responden mengikut maklumat media elektronik

|                    | Frequency  | Percent (%)  | Valid Percent | Cumulative Percent |
|--------------------|------------|--------------|---------------|--------------------|
| Valid tidak pernah | 4          | 2.7          | 2.7           | 2.7                |
| jarang             | 29         | 19.3         | 19.3          | 22.0               |
| kadang-kadang      | 24         | 16.0         | 16.0          | 38.0               |
| kerap              | 50         | 33.3         | 33.3          | 71.3               |
| paling kerap       | 43         | 28.7         | 28.7          | 100.0              |
| <b>Total</b>       | <b>150</b> | <b>100.0</b> | <b>100.0</b>  |                    |

### 3.6.3 Maklumat daripada media cetak

Seramai 30 orang responden yang mewakili 20% responden menyatakan paling kerap mendapat maklumat daripada media cetak. Manakala 24.7% responden atau 37 orang menyatakan kerap dan 24 orang responden yang mewakili 16% responden menyatakan hanya kadang-kadang. Sedangkan majoriti responden iaitu 36.6% atau 55 orang menyatakan jarang mendapat maklumat daripada media cetak. Hanya 4 orang atau 2.7% responden sahaja yang menyatakan tidak pernah mendapat maklumat daripada media cetak. Jadual 3.32 menunjukkan taburan responden di Pasir Puteh mengikut maklumat daripada media cetak.

Jadual 3.32 : Taburan responden mengikut maklumat media cetak

|                    | Frequency  | Percent (%)  | Valid Percent | Cumulative Percent |
|--------------------|------------|--------------|---------------|--------------------|
| Valid tidak pernah | 4          | 2.7          | 2.7           | 2.7                |
| jarang             | 55         | 36.6         | 36.6          | 39.3               |
| kadang-kadang      | 24         | 16.0         | 16.0          | 55.3               |
| kerap              | 37         | 24.7         | 24.7          | 80.0               |
| paling kerap       | 30         | 20.0         | 20.0          | 100.0              |
| <b>Total</b>       | <b>150</b> | <b>100.0</b> | <b>100.0</b>  |                    |

### 3.6.4 Maklumat daripada risalah

Hanya 2 orang responden atau 1.3% yang menyatakan paling kerap mendapat maklumat mengenai barang keperluan daripada risalah. Manakala 22 orang yang mewakili 14.7% responden menyatakan kerap dan 23.3% atau 35

orang menyatakan kadang-kadang. Sedangkan majoriti responden iaitu seramai 78 orang yang mewakili 52% responden menyatakan jarang. Seramai 13 orang atau 8.7% responden pula menyatakan tidak pernah mendapat maklumat mengenai barang keperluan melalui risalah. Jadual 3.33 menunjukkan taburan responden di Pasir Puteh mengikut maklumat daripada risalah.

Jadual 3.33 : Taburan responden mengikut maklumat risalah

|                    | Frequency  | Percent (%)  | Valid Percent | Cumulative Percent |
|--------------------|------------|--------------|---------------|--------------------|
| Valid tidak pernah | 13         | 8.7          | 8.7           | 8.7                |
| jarang             | 78         | 52.0         | 52.0          | 60.7               |
| kadang-kadang      | 35         | 23.3         | 23.3          | 84.0               |
| kerap              | 22         | 14.7         | 14.7          | 98.7               |
| paling kerap       | 2          | 1.3          | 1.3           | 100.0              |
| <b>Total</b>       | <b>150</b> | <b>100.0</b> | <b>100.0</b>  |                    |

### 3.6.5 Maklumat daripada agen jualan langsung

Majoriti responden iaitu seramai 85 orang yang mewakili 56.7% responden menyatakan jarang mendapat maklumat mengenai barang keperluan daripada agen jualan langsung. Manakala 22% responden atau 33 orang menyatakan kadang-kadang diikuti dengan 21 orang atau 14% responden menyatakan tidak pernah. Hanya 9 orang responden yang mewakili 6% responden menyatakan kerap dan 2 orang responden atau 1.3% responden menyatakan paling kerap mendapat maklumat daripada agen jualan langsung. Jadual 3.34 menunjukkan taburan responden di Pasir Puteh mengikut maklumat daripada agen jualan langsung.

Jadual 3.34 : Taburan responden mengikut maklumat agen jualan langsung

|                    | Frequency  | Percent (%)  | Valid Percent | Cumulative Percent |
|--------------------|------------|--------------|---------------|--------------------|
| Valid tidak pernah | 21         | 14.0         | 14.0          | 14.0               |
| jarang             | 85         | 56.7         | 56.7          | 70.7               |
| kadang-kadang      | 33         | 22.0         | 22.0          | 92.7               |
| kerap              | 9          | 6.0          | 6.0           | 98.7               |
| paling kerap       | 2          | 1.3          | 1.3           | 100.0              |
| <b>Total</b>       | <b>150</b> | <b>100.0</b> | <b>100.0</b>  |                    |

### 3.6.6 Maklumat daripada internet

Majoriti responden iaitu seramai 128 orang yang mewakili 85.3% responden menyatakan tidak pernah mendapat maklumat mengenai barang keperluan melalui internet. Manakala 11 orang atau 7.3% responden menyatakan jarang dan 6.% atau 10 orang menyatakan kadang-kadang. Hanya seorang responden sahaja yang menyatakan kerap mendapat maklumat mengenai barang keperluan melalui internet. Jadual 3.35 menunjukkan taburan responden di Pasir Puteh mengikut maklumat daripada internet.

Jadual 3.35 : Taburan responden mengikut maklumat internet

|                    | Frequency  | Percent (%)  | Valid Percent | Cumulative Percent |
|--------------------|------------|--------------|---------------|--------------------|
| Valid tidak pernah | 128        | 85.3         | 85.3          | 85.3               |
| jarang             | 11         | 7.3          | 7.3           | 92.6               |
| kadang-kadang      | 10         | 6.7          | 6.7           | 99.3               |
| kerap              | 1          | 0.7          | 0.7           | 100.0              |
| <b>Total</b>       | <b>150</b> | <b>100.0</b> | <b>100.0</b>  |                    |

Kesimpulannya, terdapat tiga saluran maklumat yang paling popular bagi pengguna di Pasir Puteh mendapatkan maklumat mengenai barang keperluan iaitu melalui rakan, jiran atau keluarga diikuti dengan media elektronik dan media cetak. Manakala saluran maklumat melalui risalah, agen jualan langsung dan internet agak kurang popular.

### 3.7 Lokasi pembelian barang keperluan

Taburan min menunjukkan responden di Pasir Puteh paling kerap membeli barang keperluan di kedai runcit diikuti dengan pasar yang mana kedua-dua lokasi ini mempunyai nilai min melebihi nilai empat iaitu 4.4333 (sisihan piawai :

0.65964) bagi kedai runcit dan 4.1467 (sisihan piawai : 0.89282) bagi pasar. Pasar malam / tani mempunyai nilai min hanya 3.2467 (sisihan piawai : 0.91912) yang menunjukkan kekerapan responden memilih lokasi ini adalah sederhana sahaja.


Pasaraya besar merupakan lokasi yang paling kurang dipilih oleh responden untuk membeli barang keperluan iaitu mempunyai nilai min hanya 2.6667 (sisihan piawai 1.02103). Jadual 3.36 dan Rajah 3.7 menunjukkan taburan responden di Pasir Puteh mengikut lokasi pembelian barang keperluan.

Jadual 3.36 : Taburan lokasi pembelian barang keperluan yang paling kerap dipilih

|                | Kedai runcit | Pasar   | Pasar malam / tani | Peraih  | Pasaraya besar |
|----------------|--------------|---------|--------------------|---------|----------------|
| Mean           | 4.4333       | 4.1467  | 3.2467             | 3.0667  | 2.6667         |
| Std. Deviation | 0.65964      | 0.89282 | 0.91912            | 1.20773 | 1.02103        |

Taburan min adalah berasaskan kepada 5 nilai skala likert iaitu 1 = tidak pernah sehingga 5 =paling kerap. Semakin tinggi nilai min menunjukkan kekerapan yang semakin tinggi.

Rajah 3.7 : Taburan lokasi pembelian barang keperluan yang paling kerap dipilih



### 3.7.1 Kedai runcit

Majoriti responden iaitu sebanyak 52% atau 78 orang menyatakan paling kerap membeli barang keperluan di kedai runcit diikuti oleh 60 orang atau 40% responden menyatakan kerap. Manakala 11 orang yang mewakili 7.3%

menyatakan kadang-kadang dan hanya seorang sahaja atau 0.7% responden yang menyatakan jarang membeli barang keperluan di kedai runcit. Jadual 3.37 menunjukkan taburan responden di Pasir Puteh mengikut lokasi kedai runcit.

Jadual 3.37 : Taburan responden mengikut lokasi kedai runcit

|               | Frequency  | Percent (%)  | Valid Percent | Cumulative Percent |
|---------------|------------|--------------|---------------|--------------------|
| Valid jarang  | 1          | 0.7          | 0.7           | 0.7                |
| kadang-kadang | 11         | 7.3          | 7.3           | 8.0                |
| kerap         | 60         | 40.0         | 40.0          | 48.0               |
| paling kerap  | 78         | 52.0         | 52.0          | 100.0              |
| <b>Total</b>  | <b>150</b> | <b>100.0</b> | <b>100.0</b>  |                    |

### 3.7.2 Pasar

Seramai 63 orang atau 42% responden menyatakan paling kerap membeli barang keperluan di pasar diikuti dengan 55 orang yang mewakili 36.7% responden menyatakan kerap. Manakala 23 orang responden atau 15.3% menyatakan kadang-kadang dan hanya 9 orang atau 6% responden sahaja yang menyatakan jarang membeli barang keperluan di pasar. Jadual 3.38 menunjukkan taburan responden di Pasir Puteh mengikut lokasi pasar.

Jadual 3.38 : Taburan responden mengikut lokasi pasar

|               | Frequency  | Percent (%)  | Valid Percent | Cumulative Percent |
|---------------|------------|--------------|---------------|--------------------|
| Valid jarang  | 9          | 6.0          | 6.0           | 6.0                |
| kadang-kadang | 23         | 15.3         | 15.3          | 21.3               |
| kerap         | 55         | 36.7         | 36.7          | 58.0               |
| paling kerap  | 63         | 42.0         | 42.0          | 100.0              |
| <b>Total</b>  | <b>150</b> | <b>100.0</b> | <b>100.0</b>  |                    |

### 3.7.3 Pasar malam / pasar tani

Seramai 11 orang atau 7.3% responden menyatakan paling kerap membeli barang keperluan di pasar malam atau pasar tani sedangkan majoriti responden iaitu sebanyak 34.7% atau 52 orang menyatakan kerap. Manakala 51 orang atau 34% responden menyatakan kadang-kadang dan 35 orang atau 23.3% responden

menyatakan jarang. Hanya seorang atau 0.7% sahaja responden yang menyatakan tidak pernah membeli barang keperluan di pasar malam atau pasar tani. Jadual 3.39 menunjukkan taburan responden di Pasir Puteh mengikut lokasi pasar malam atau pasar tani.

Jadual 3.39 : Taburan responden mengikut lokasi pasar malam / pasar tani

|                    | Frequency  | Percent (%)  | Valid Percent | Cumulative Percent |
|--------------------|------------|--------------|---------------|--------------------|
| Valid tidak pernah | 1          | 0.7          | 0.7           | 0.7                |
| jarang             | 35         | 23.3         | 23.3          | 24.0               |
| kadang-kadang      | 51         | 34.0         | 34.0          | 58.0               |
| kerap              | 52         | 34.7         | 34.7          | 92.7               |
| paling kerap       | 11         | 7.3          | 7.3           | 100.0              |
| <b>Total</b>       | <b>150</b> | <b>100.0</b> | <b>100.0</b>  |                    |

#### 3.7.4 Peraih

Majoriti responden iaitu seramai 54 orang yang membentuk 36% responden menyatakan kerap membeli barang keperluan daripada peraih diikuti dengan 36 orang yang mewakili 24% responden menyatakan jarang. Manakala 28 orang atau 18.7% responden menyatakan kadang-kadang dan 18 orang yang mewakili 12% menyatakan tidak pernah. Seramai 14 orang atau 9.3% responden menyatakan paling kerap membeli barang keperluan daripada peraih. Jadual 3.40 menunjukkan taburan responden di Pasir Puteh mengikut pembelian daripada peraih.

Jadual 3.40 : Taburan responden mengikut pembelian daripada peraih

|                    | Frequency  | Percent (%)  | Valid Percent | Cumulative Percent |
|--------------------|------------|--------------|---------------|--------------------|
| Valid tidak pernah | 18         | 12.0         | 12.0          | 12.0               |
| jarang             | 36         | 24.0         | 24.0          | 36.0               |
| kadang-kadang      | 28         | 18.7         | 18.7          | 54.7               |
| kerap              | 54         | 36.0         | 36.0          | 90.7               |
| paling kerap       | 14         | 9.3          | 9.3           | 100.0              |
| <b>Total</b>       | <b>150</b> | <b>100.0</b> | <b>100.0</b>  |                    |

### 3.7.5 Pasaraya besar

Majoriti responden iaitu seramai 53 orang yang mewakili 35.4% responden menyatakan kadang-kadang membeli barang keperluan di pasaraya besar dan 34.7% responden atau 52 orang menyatakan jarang. Manakala 20 orang atau 13.3% responden menyatakan kerap dan hanya 8 orang atau 5.3% responden menyatakan paling kerap. Responden yang tidak pernah membeli barang keperluan di pasaraya besar pula seramai 17 orang yang mewakili 11.3% responden. Jadual 3.41 menunjukkan taburan responden di Pasir Puteh mengikut lokasi pasaraya besar.

Jadual 3.41 : Taburan responden mengikut lokasi pasaraya besar

|                    | Frequency  | Percent (%)  | Valid Percent | Cumulative Percent |
|--------------------|------------|--------------|---------------|--------------------|
| Valid tidak pernah | 17         | 11.3         | 11.3          | 11.3               |
| jarang             | 52         | 34.7         | 34.7          | 46.0               |
| kadang-kadang      | 53         | 35.4         | 35.4          | 81.4               |
| kerap              | 20         | 13.3         | 13.3          | 94.7               |
| paling kerap       | 8          | 5.3          | 5.3           | 100.0              |
| <b>Total</b>       | <b>150</b> | <b>100.0</b> | <b>100.0</b>  |                    |

Kesimpulannya, lokasi yang sentiasa menjadi pilihan pengguna di Pasir Puteh untuk membeli barang keperluan adalah kedai runcit diikuti dengan pasar. Manakala pasar malam atau pasar tani dan peraih menjadi lokasi pilihan alternatif atau pilihan kedua. Namun pasaraya besar merupakan lokasi yang paling tidak popular untuk membeli barang keperluan bagi pengguna di Pasir Puteh.

### 3.8 Faktor Pemilihan Lokasi Pembelian Barang


Faktor yang paling diberikan perhatian oleh responden apabila memilih lokasi pembelian barang ialah faktor menjimatkan masa dan tenaga diikuti dengan faktor lokasi yang menawarkan pelbagai pilihan barangan dan faktor lokasi yang

selesa dan menyenangkan. Faktor yang paling kurang diberi perhatian ialah faktor lokasi yang menarik dan cantik. Jadual 3.42 dan Rajah 3.8 menunjukkan taburan faktor pemilihan lokasi pembelian barang bagi responden di Pasir Puteh.

Jadual 3.42 : Taburan faktor pemilihan lokasi pembelian barang

| Faktor pemilihan lokasi     | Kekerapan dipilih | Kekerapan tidak dipilih | Peratus dipilih |
|-----------------------------|-------------------|-------------------------|-----------------|
| Menjimatkan masa dan tenaga | 132               | 18                      | 88.0 %          |
| Menawarkan pelbagai pilihan | 131               | 19                      | 87.3 %          |
| Selesa dan menyenangkan     | 108               | 42                      | 72.0 %          |
| Menarik dan cantik          | 46                | 104                     | 30.7 %          |

Rajah 3.8 : Taburan faktor pemilihan lokasi pembelian barang



Seramai 132 orang atau 88% responden mementingkan faktor menjimatkan masa dan tenaga dalam memilih lokasi pembelian barang keperluan. Manakala sebanyak 87.3% responden atau 131 orang mementingkan faktor lokasi yang menawarkan pelbagai pilihan dalam memilih lokasi pembelian barang keperluan. Seramai 108 orang yang mewakili 72% responden mementingkan faktor lokasi yang selesa dan menyenangkan dalam memilih lokasi pembelian barang keperluan. Hanya 30.7% responden atau 46 orang sahaja yang mementingkan faktor lokasi yang menarik dan cantik dalam memilih lokasi pembelian barang keperluan.

### 3.9 Kriteria pemilihan barang keperluan

Taburan min menunjukkan kriteria yang paling penting kepada responden di Pasir Puteh apabila menggunakan barang keperluan ialah kriteria halal diikuti oleh kriteria suci dan bersih, kriteria harga yang murah, kriteria kualiti dan mutu, lokasi kedai berdekatan dan layanan penjual yang memuaskan. Kesemua kriteria ini mempunyai nilai min yang tinggi iaitu melebihi nilai empat.

Kriteria maklumat yang jelas dan terperinci dan kriteria jenama yang disukai mempunyai nilai min 3.4933 (sisihan piawai : 1.23564) dan 3.1533 (sisihan piawai : 1.01490) yang menunjukkan kriteria ini kurang diberikan perhatian oleh responden.


Manakala kriteria yang paling tidak penting ialah kriteria sesuai dengan taraf dan gaya hidup yang mempunyai nilai min hanya 2.8400 (sisihan piawai : 1.34154). Jadual 3.43 dan Rajah 3.9 menunjukkan taburan kriteria pemilihan barang keperluan bagi responden di Pasir Puteh.

Jadual 3.43 : Taburan kriteria pemilihan barang keperluan

| Kriteria pemilihan                 | Mean   | Std. Deviation |
|------------------------------------|--------|----------------|
| Halal                              | 5.0000 | 0.00000        |
| Suci dan bersih                    | 4.8067 | 0.39624        |
| Harga yang murah                   | 4.6400 | 0.63753        |
| Berkualiti dan bermutu             | 4.5533 | 0.56208        |
| Lokasi kedai yang berdekatan       | 4.1133 | 0.83976        |
| Layanan penjual yang memuaskan     | 4.0667 | 0.88740        |
| Maklumat yang jelas dan terperinci | 3.4933 | 1.23564        |
| Jenama yang disukai                | 3.1533 | 1.01490        |
| Sesuai dengan taraf dan gaya hidup | 2.8400 | 1.34154        |

Taburan min adalah berasaskan kepada 5 nilai skala likert iaitu 1 = tidak penting sehingga 5 = sangat penting. Semakin tinggi nilai min menunjukkan kekerapan yang semakin tinggi.

Rajah 3.9 : Taburan kriteria pemilihan barang keperluan



Kesimpulannya, berdasarkan kepada nilai min bagi setiap kriteria terdapat tujuh kriteria yang mendapat nilai min melebihi 4.0 yang mana boleh dikategorikan sebagai kriteria yang penting iaitu kriteria halal diikuti oleh kriteria suci dan bersih, kriteria harga yang murah, kriteria kualiti dan mutu, lokasi kedai berdekatan dan layanan penjual yang memuaskan. Kriteria yang selebihnya iaitu maklumat yang jelas dan terperinci, jenama yang disukai dan sesuai dengan taraf dan gaya hidup pula mendapat nilai min kurang daripada 3.5 yang mana boleh dikategorikan sebagai kriteria yang kurang penting dalam pemilihan barang keperluan.

### 3.9.1 Halal

Semua responden menyatakan bahawa kriteria halal sangat penting apabila menggunakan barang keperluan. Jadual 3.44 menunjukkan taburan responden di Pasir Puteh mengikut kriteria halal.

Jadual 3.44 : Taburan responden mengikut kriteria halal

|       |                | Frequency  | Percent (%)  | Valid Percent | Cumulative Percent |
|-------|----------------|------------|--------------|---------------|--------------------|
| Valid | sangat penting | 150        | 100.0        | 100.0         | 100.0              |
|       | <b>Total</b>   | <b>150</b> | <b>100.0</b> | <b>100.0</b>  |                    |

### 3.9.2 Suci dan bersih

Seramai 121 orang yang mewakili 80.7% responden menyatakan suci dan bersih sangat penting apabila menggunakan barang keperluan manakala 29 orang yang membentuk 19.3% menyatakan penting. Jadual 3.45 menunjukkan taburan responden di Pasir Puteh mengikut kriteria suci dan bersih.

Jadual 3.45 : Taburan responden mengikut kriteria suci dan bersih

|                | Frequency  | Percent (%)  | Valid Percent | Cumulative Percent |
|----------------|------------|--------------|---------------|--------------------|
| Valid penting  | 29         | 19.3         | 19.3          | 19.3               |
| sangat penting | 121        | 80.7         | 80.7          | 100.0              |
| <b>Total</b>   | <b>150</b> | <b>100.0</b> | <b>100.0</b>  |                    |

### 3.9.3 Harga yang murah

Sebanyak 72% responden iaitu seramai 108 orang menyatakan harga yang murah sangat penting dan 31 orang yang mewakili 20.7% responden menyatakan penting. Manakala 10 orang atau 6.6% menyatakan tidak kisah dan hanya seorang atau 0.7% sahaja responden yang mengatakan harga yang murah sebagai kriteria yang kurang penting. Jadual 3.46 menunjukkan taburan responden di Pasir Puteh mengikut kriteria harga yang murah

Jadual 3. 46 : Taburan responden mengikut kriteria harga yang murah

|                      | Frequency  | Percent (%)  | Valid Percent | Cumulative Percent |
|----------------------|------------|--------------|---------------|--------------------|
| Valid kurang penting | 1          | 0.7          | 0.7           | 0.7                |
| tidak kisah          | 10         | 6.6          | 6.6           | 7.3                |
| penting              | 31         | 20.7         | 20.7          | 28.0               |
| sangat penting       | 108        | 72.0         | 72.7          | 100.0              |
| <b>Total</b>         | <b>150</b> | <b>100.0</b> | <b>100.0</b>  |                    |

### 3.9.4 Berkualiti dan bermutu

Seramai 88 orang yang membentuk 58.7% responden menyatakan kualiti dan mutu sangat penting dan 57 orang yang mewakili 38% responden menyatakan

penting. Hanya 5 orang responden atau 3.3% responden yang tidak kisah dengan kualiti dan mutu barang keperluan yang digunakan. Jadual 3.47 menunjukkan taburan responden di Pasir Puteh mengikut kriteria berkualiti dan bermutu.

Jadual 3.47 : Taburan responden mengikut kriteria berkualiti dan bermutu

|                   | Frequency  | Percent (%)  | Valid Percent | Cumulative Percent |
|-------------------|------------|--------------|---------------|--------------------|
| Valid tidak kisah | 5          | 3.3          | 3.3           | 3.3                |
| penting           | 57         | 38.0         | 38.0          | 41.3               |
| sangat penting    | 88         | 58.7         | 58.7          | 100.0              |
| <b>Total</b>      | <b>150</b> | <b>100.0</b> | <b>100.0</b>  |                    |

### 3.9.5 Lokasi yang berdekatan berdekatan

Seramai 50 orang atau 33.3% responden menyatakan lokasi kedai yang berdekatan dengan rumah sangat penting sedangkan majoriti responden iaitu seramai 76 orang yang membentuk 50.7% responden menyatakan penting. Manakala 18 orang yang mewakili 12% responden menyatakan tidak kisah. Responden yang menyatakan kriteria lokasi kedai yang berdekatan kurang penting dan tidak penting masing-masing 2% atau 3 orang sahaja. Jadual 3.48 menunjukkan taburan responden di Pasir Puteh mengikut kriteria lokasi kedai yang berdekatan.

Jadual 3.48 : Taburan responden mengikut kriteria lokasi kedai yang berdekatan

|                     | Frequency  | Percent (%)  | Valid Percent | Cumulative Percent |
|---------------------|------------|--------------|---------------|--------------------|
| Valid tidak penting | 3          | 2.0          | 2.0           | 2.0                |
| kurang penting      | 3          | 2.0          | 2.0           | 4.0                |
| tidak kisah         | 18         | 12.0         | 12.0          | 16.0               |
| penting             | 76         | 50.7         | 50.7          | 66.7               |
| sangat penting      | 50         | 33.3         | 33.3          | 100.0              |
| <b>Total</b>        | <b>150</b> | <b>100.0</b> | <b>100.0</b>  |                    |

### 3.9.6 Layanan penjual

Seramai 48 orang atau 32% responden menyatakan layanan penjual yang memuaskan sangat penting sedangkan majoriti responden iaitu seramai 77 orang

yang mewakili 51.3% menyatakan penting. Manakala 15 orang atau 10% responden menyatakan tidak kisah dan 7 orang atau 4.7% responden menyatakan kurang penting. Hanya 3 orang yang membentuk 2% responden yang menyatakan layanan penjual yang memuaskan tidak penting. Jadual 3.49 menunjukkan taburan responden di Pasir Puteh mengikut kriteria layanan penjual.

Jadual 3.49 : Taburan responden mengikut kriteria layanan penjual

|                     | Frequency  | Percent (%)  | Valid Percent | Cumulative Percent |
|---------------------|------------|--------------|---------------|--------------------|
| Valid tidak penting | 3          | 2.0          | 2.0           | 2.0                |
| kurang penting      | 7          | 4.7          | 4.7           | 6.7                |
| tidak kisah         | 15         | 10.0         | 10.0          | 16.7               |
| penting             | 77         | 51.3         | 51.3          | 68.0               |
| sangat penting      | 48         | 32.0         | 32.0          | 100.0              |
| <b>Total</b>        | <b>150</b> | <b>100.0</b> | <b>100.0</b>  |                    |

### 3.9.7 Maklumat yang jelas dan terperinci

Majoriti responden iaitu seramai 52 orang yang membentuk 34.7% menyatakan maklumat yang jelas dan terperinci adalah penting manakala 36 orang atau 24% responden menyatakan sangat penting. Seramai 32 orang yang mewakili 21.3% menyatakan kurang penting dan 21 orang atau 14% responden tidak kisah. Hanya 9 orang atau 6% responden yang menyatakan maklumat yang jelas dan terperinci tidak penting. Jadual 3.50 menunjukkan taburan responden di Pasir Puteh mengikut kriteria maklumat yang jelas dan terperinci.

Jadual 3.50 : Taburan responden mengikut kriteria maklumat yang jelas dan terperinci

|                     | Frequency  | Percent (%)  | Valid Percent | Cumulative Percent |
|---------------------|------------|--------------|---------------|--------------------|
| Valid tidak penting | 9          | 6.0          | 6.0           | 6.0                |
| kurang penting      | 32         | 21.3         | 21.3          | 27.3               |
| tidak kisah         | 21         | 14.0         | 14.0          | 41.3               |
| penting             | 52         | 34.7         | 34.7          | 76.0               |
| sangat penting      | 36         | 24.0         | 24.0          | 100.0              |
| <b>Total</b>        | <b>150</b> | <b>100.0</b> | <b>100.0</b>  |                    |

### 3.9.8 Jenama yang disukai

Majoriti responden iaitu seramai 53 orang yang membentuk 35.3% menyatakan tidak kisah dengan jenama. Manakala 39 orang atau 26% menyatakan kurang penting sebaliknya 38 orang atau 25.3% menyatakan penting. Seramai 16 orang atau 10.7% responden menyatakan sangat penting tetapi hanya 2.7% atau 4 orang sahaja yang menyatakan jenama yang disukai tidak penting. Jadual 3.51 menunjukkan taburan responden di Pasir Puteh mengikut kriteria jenama yang disukai.

Jadual 3.51 : Taburan responden mengikut kriteria jenama yang disukai

|                     | Frequency  | Percent (%)  | Valid Percent | Cumulative Percent |
|---------------------|------------|--------------|---------------|--------------------|
| Valid tidak penting | 4          | 2.7          | 2.7           | 2.7                |
| kurang penting      | 39         | 26.0         | 26.0          | 28.7               |
| tidak kisah         | 53         | 35.3         | 35.3          | 64.0               |
| penting             | 38         | 25.3         | 25.3          | 89.3               |
| sangat penting      | 16         | 10.7         | 10.7          | 100.0              |
| <b>Total</b>        | <b>150</b> | <b>100.0</b> | <b>100.0</b>  |                    |

### 3.9.9 Sesuai dengan taraf dan gaya hidup

Bagi kriteria sesuai dengan taraf dan gaya hidup responden yang menyatakan kurang penting dan tidak kisah mempunyai bilangan yang sama iaitu masing-masing 37 orang atau 24.7% responden. Manakala 29 orang yang mewakili 19.3% menyatakan tidak penting. Sebaliknya 24 orang atau 16% menyatakan sangat penting dan 23 orang atau 15.3% menyatakan sesuai dengan taraf dan gaya hidup adalah penting. Jadual 3.52 menunjukkan taburan responden di Pasir Puteh mengikut kriteria sesuai dengan taraf dan gaya hidup.

Jadual 3.52 : Taburan responden mengikut kriteria sesuai dengan taraf dan gaya hidup

|                     | Frequency  | Percent (%)  | Valid Percent | Cumulative Percent |
|---------------------|------------|--------------|---------------|--------------------|
| Valid tidak penting | 29         | 19.3         | 19.3          | 19.3               |
| kurang penting      | 37         | 24.7         | 24.7          | 44.0               |
| tidak kisah         | 37         | 24.7         | 24.7          | 68.7               |
| penting             | 23         | 15.3         | 15.3          | 84.0               |
| sangat penting      | 24         | 16.0         | 16.0          | 100.0              |
| <b>Total</b>        | <b>150</b> | <b>100.0</b> | <b>100.0</b>  |                    |

### **3.10 Penutup**

Secara keseluruhannya responden di Pasir Puteh tinggal di sebuah kawasan luar bandar dalam masyarakat yang majoritinya berbangsa Melayu yang masih kaya dengan budaya dan cara hidup bermasyarakat.

Kebanyakan responden hanya memiliki tahap pendidikan pada tahap sekolah sahaja. Maka kebanyakannya bekerja di dalam bidang pertanian atau perikanan yang hanya mendatangkan pendapatan bulanan yang kecil sahaja.

Majoriti responden tinggal di kawasan kampung yang hanya dilengkapi dengan kemudahan dan infrastruktur asas. Faktor ini menyebabkan mereka tidak terdedah atau kurang menerima maklumat daripada sumber yang luas.

Kebanyakan responden yang berpendapatan rendah terpaksa menghabiskan semua pendapatan bulanan mereka untuk mendapatkan barang keperluan. Terdapat 10 jenis barang yang menjadi pilihan utama responden di Pasir Puteh iaitu makanan dan minuman, barang keperluan dapur, bil air dan elektrik, barang kegunaan bilik mandi, bahan pencuci, TV dan radio, yuran dan peralatan sekolah, minyak motor / kereta, bil telefon dan peti sejuk.

Faktor tarikan utama pembelian adalah label halal diikuti dengan diskaun harga, tarikh luput, iklan yang tersebar luas dan pembungkusan yang menarik. Saluran maklumat yang paling kerap bagi responden di Pasir Puteh mendapat maklumat berkaitan barang keperluan adalah melalui rakan, jiran dan keluarga.

Lokasi pembelian yang paling kerap dipilih adalah kedai runcit dengan menjadikan faktor menjimatkan masa dan tenaga sebagai faktor yang paling diberikan perhatian diikuti dengan faktor menawarkan pelbagai pilihan dan faktor selesa dan menyenangkan. Manakala kriteria yang paling penting apabila menggunakan barang keperluan bagi responden di Pasir Puteh ialah halal.

Nota Hujung :

<sup>1</sup> Mengikut Rancangan Malaysia Kelapan 2001 – 2005, pendapatan isi rumah bulanan purata bagi Kelantan yang dikategorikan sebagai negeri kurang maju bagi tahun 1999 ialah RM 1 314 dengan kadar kemiskinan sebanyak 18.7%.

<sup>2</sup> Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri (2001), **Rancangan Malaysia Kelapan 2001 – 2005**, Percetakan Nasional Berhad : Kuala Lumpur, m.s 62.

<sup>3</sup> **Ibid**

<sup>4</sup> Kadar kemiskinan di kalangan pekerja pertanian adalah yang tertinggi iaitu 16.4% pada tahun 1999 : Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri (2001), **Rancangan Malaysia Ke 8 2001 – 2005**, Percetakan Nasional Berhad :Kuala Lumpur, m.s 62.

<sup>5</sup> Kegiatan pertanian atau perikanan secara kecil-kecilan yang menggunakan modal yang kecil dan diusahakan secara keluarga sahaja yang kebiasaannya bertujuan untuk sara hidup.

<sup>6</sup> Kajian juga mendapati aktiviti ekonomi Kelantan masih tertutup kepada perkara asas iaitu pertanian, pembalakan dan sumber-sumber semulajadi yang lain, lihat Massa, Sampai Bila Kami Harus Begini, **Massa** 25 – 31 Januari 2003, Utusan Melayu (Malaysia) Berhad : Kuala Lumpur, m.s 13.

<sup>7</sup> Isi rumah yang berpendapatan RM 1500 – RM 3 500 sebulan dikategorikan dalam saiz kumpulan berpendapatan pertengahan dalam Rancangan Malaysia Kelapan 2001 – 2005. Manakala isi rumah yang berpendapatan kurang daripada RM 1 500 sebulan dikategorikan dalam saiz kumpulan berpendapatan rendah.

<sup>8</sup> Jadual Petunjuk Sosioekonomi Terpilih Mengikut Negeri dalam Rancangan Malaysia Kelapan 2001 – 2005 menunjukkan bilangan kereta dan motosikal berdaftar setiap 1 000 penduduk pada tahun 2000 bagi negeri Kelantan yang berada dalam kategori negeri kurang maju ialah 211.9.

<sup>9</sup> Jadual Petunjuk Sosioekonomi Terpilih Mengikut Negeri dalam Rancangan Malaysia Kelapan 2001 – 2005 menunjukkan bilangan telefon setiap 1 000 penduduk pada tahun 2000 bagi negeri Kelantan yang berada dalam kategori negeri kurang maju ialah 114.6.